

31/10/2003

Seorang bawa cacing, habis semua hanyir

HARI ini adalah hari kelima umat Islam di negara kita berpuasa. Si Iqram, anak bongsu Sally yang berusia lapan tahun tu bukan main bersemangat pada Ramadan tahun ini. Pada hari pertama dan kedua Ramadan iaitu Isnin dan Selasa lalu, dialah yang bangun paling awal dan makan serta minum paling banyak.

Melihat keletah dan kerenah Iqram bersahur mahupun berbuka puasa, maka terkenang semula tulisan Sally menegur dan menyindir golongan kaki pancing setiap kali bulan puasa sejak beberapa tahun lalu. Bagaimanapun, sebagai umat Islam yang prihatin, tahun ini, seperti juga tahun-tahun dulu, Sally sekali lagi ingin mengingatkan diri Sally sendiri dan kalangan kaki pancing semua supaya memelihara kesucian Ramadan yang barakah ini. Sally mintalah sangat-sangat supaya menjaga adab dan susila pada sepanjang bulan puasa ini.

Kalau hendak memancing, memancinglah. Pergilah memancing walau di mana sekalipun. Tak kiralah sama ada di laut, sungai, tasik ataupun lombong. Sally minta satu saja. Berpuasalah! Tetapi, jika ada halangan disebabkan faktor kesihatan atau apa juga alasan lain, janganlah makan di khalayak ramai. Tolonglah, usah cemari Ramadan yang mulia ini.

Sally tahu kenyataan di atas yang ditujukan kepada segelintir kaki pancing yang memang mengundang kecaman. Malah Sally masih ingat beberapa tahun lalu begitu ramai mereka yang mengaku sebagai kaki pancing marah-marah, malah ada yang ugut mahu tampal mulut Sally dengan gam gajah.

Dalam hal ini, Sally sebenarnya berasa agak pelik binti ajaib. Sally tak pernah pun tujukan tulisan berkenaan kepada sesiapa. Teguran ikhlas Sally adalah umum. Tak pernah pun Sally sebut nama si polan bin si polan yang ponteng puasa. Tak ada juga Sally sebut nama si anu bin si anu yang bukan main khushyuk bersahur bersama keluarga, tetapi menjelang tengah harinya membedal sampai tiga empat bungkus nasi lemak bersama rakan-rakan di lubuk rahsia mereka.

Tak tahu Sally kenapa mereka begitu sensitif dan terasa sangat dengan tulisan Sally. Tetapi bak kata pepatah, siapa yang makan cili, dialah yang terasa pedasnya.

Apa yang Sally sebut adalah mengenai wujudnya sebilangan kecil kaki pancing yang tidak tahu menghormati bulan puasa. Sudahlah tidak puasa, mereka bukan main megah lagi menghembus asap keretek yang baunya sangat memening dan meloyakan itu hingga berkepul-kepul. Kalau di tempat tersorok mungkin boleh juga dimaafkan. Tetapi mereka melakukan mungkar ini di beberapa kolam komersial yang dikunjungi oleh ramai kaki pancing pelbagai bangsa dan agama.

Kalau dah orang Islam sendiri tidak menghormati agama dengan makan, minum dan merokok di khalayak, macam mana pula orang lain yang tidak beragama Islam mahu menghormati agama suci ini? Bagaimanapun Sally tak kata semua, tetapi segelintir atau sebilangan kecil kaki pancing saja yang terbabit. Tetapi, bak kata pepatah, seekor (ehh silap), seorang kaki pancing membawa cacing, habis semuanya terpalit (kaki pancing lainlah!) bau hanyirnya.

Jadi, sempena hari terakhir Perdana Menteri kesayangan kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerajui pentadbiran negara kita pada hari ini, Sally harap sangatlah agar tidak ada seorang pun kaki pancing yang sebangsa dengan Sally berbuat sesuatu yang bukan saja akan memalukan orang Melayu, tetapi juga menjatuhkan maruah dan kesucian agama Islam.

(END)